



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 MAC 2019 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- MPK kesal kilang tak beri kerjasama

64

**Sinar Harian**

- Kilang perabot musnah terbakar

36



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 MAC 2019 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPK kesal kilang tak beri kerjasama
Muka Surat	64

Ms.64 C Jumaat, 29 Mac 2019 BH

→ **WILAYAH**  
BH 29/3/19 M/S 64 [FOTO FAIZ ANUAR/BH]



**Mohamad Yasid memeriksa sebuah kilang haram yang diserbu dalam operasi di kawasan Sungai Candong, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.**

## MPK kesal kilang tak beri kerjasama

➔ Kunci premis ketika PBT buat pemeriksaan

**Oleh Ruwaida Md Zain**  
bhnews@bh.com

▀ Pelabuhan Klang

**M**ajlis Perbandaran Klang (MPK) kesal dengan sikap sebahagian pengilang yang enggan memberi kerjasama dengan menutup premis ketika pihaknya menjalankan pemeriksaan.

Yang DiPertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata kerjasama sukar kerana hampir semua kilang yang diserbu terpaksa dibuka dengan memotong pagar utama setiap premis.

"Ini satu tanda yang kurang baik kepada kita kerana MPK cuma menjalankan pemeriksaan tetapi tidak mendapat kerjasama daripada pengilang yang ada di sini.

"Kita dapati juga pengu-

rus dan penyelia kilang yang sepatutnya menjaga kilang tidak berada di tempatnya, kemungkinan mereka sudah melarikan diri. Kesimpulannya, memang mereka tidak mahu beri kerjasama kepada kita.

"Bagaimanapun, ketika serbuan, ada pekerja menjalankan kerja seperti biasa tetapi terdiri daripada warga asing dari Indonesia dan Bangladesh, cuma satu kilang ada warga tempatan," katanya pada sidang media selepas serbuan terhadap kilang kelima di sini, semalam.

Mohamad Yasid berkata, MPK sentiasa membantu pihak yang ingin menjalankan operasi pengilangan dalam kawasan MPK.

**Gesa mohon lesen**

"Saya berharap pengilang yang mengurus niaga di Klang, mohon lesen daripada MPK dan patuhi semua arahan serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan, contohnya dari segi pelan bangunan dan pelan merancang.

"Setakat ini, sebanyak 41 kilang diarah tutup dan kebanyakannya kilang plastik, manakala dua sudah dise-

diakan kertas siasatan untuk dibawa ke mahkamah kerana mereka masih degil dengan terus beroperasi walaupun diarahkan tutup," katanya.

Beliau berkata, MPK hanya boleh mengarahkan kilang tutup, jika mereka tidak mematuhi arahan, pihak berkuasa tempatan (PBT) terpaksa mendapatkan arahan daripada mahkamah.

"Ini memerlukan sedikit masa untuk kita menyediakan kertas siasatan bagi mendapatkan perintah mahkamah.

"MPK juga tiada kuasa mengarahkan TNB atau SYABAS (menghentikan bekalan utiliti seperti air dan elektrik), bagaimanapun kita pohon kerjasama mereka bagi menangani kilang haram ini.

"Setakat ini, kita dapat kerjasama baik daripada mereka apabila menjalankan operasi khususnya kerja merobohkan sebab jika tidak dipotong membahayakan keselamatan.

"Dari segi kilang haram, kita masih lagi menunggu TNB dan SYABAS bantu memotong bekalan terbabit," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 MAC 2019 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kilang perabot musnah terbakar
Muka Surat	36

36  
**AMPANG. HULU LANGAT**

SA 29/3/19 M/S:36

## **Kilang perabot musnah terbakar**

**Tiada kemalangan jiwa, siasatan berjalan**

**AHMAD ISMADI ISMAIL**

**BALAKONG**

**S**ebuah kilang pembuatan perabot musnah dalam kebakaran di Jalan Cheras, Batu 11 dekat sini, kelmarin.

Pengarah Bomba Negeri Selangor Penolong Kanan Persuruhjaya Bomba Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 8.46 malam.

"Seramai 68 anggota Bomba dan Penyelamat termasuk anggota Bomba Sukarela dari Balakong, Gombak dan Seri Petaling bergegas ke lokasi kebakaran.

"Api marak ketika kita tiba ke lokasi, kita berjaya mengawal kebakaran pada jam 10 malam, kebakaran kawasan dianggarkan seluas 160 x 200," katanya.

Beliau berkata, di dalam kilang berkenaan terdapat beberapa blok dibahagikan kepada enam.

"Kita mendapati ada bahagian yang membuat perabot, fiber, span, pemotongan dan kitar semula," katanya.

Menurutnya, tiada pekerja berada di dalam kilang memandangkan waktu bekerja tamat pada jam 6 petang.

"Tiada kecederaan, punca kebakaran dan jumlah kerugian masih dalam siasatan," katanya.



Anggota bomba bertungkus-lumus memadamkan kebakaran.